

# Mahathir lancar penemuan baru varieti padi

ALUR SETAR 19 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan penemuan baru varieti padi MARDI iaitu MR 159 dan MR 167 - padi yang lebih berdaya tahan terhadap serangan penyakit.

Penggunaan kedua-dua varieti itu merupakan satu cara untuk mempelbagai-kan varieti padi bagi mengurangkan risiko kerosakan yang disebabkan oleh penyakit atau musuh padi paling utama, penyakit merah.

Penanaman varieti yang berbeza sumber genetikanya itu juga dapat menghindarkan patogen atau musuh serta mengelakkan serangan yang menyeluruh.

Sebelum ini, varieti MR 84 yang ditemui pada tahun 1986 merupakan kejayaan terbesar dalam bidang pembiakbakaan di negara ini.

Sehingga kini selepas 17 musim ditanam, varieti MR 84 masih merupakan varieti pilihan utama di hampir kesemua kawasan padi berpengairan dengan peratusan liputannya telah meni-

ngkat melebihi 70 peratus kawasan penanaman.

Amalan penanaman varieti tunggal ini mempunyai risiko yang tinggi terutama serangan penyakit dan musuh dan sekiranya keadaan ini berlaku, para petani akan mengalami kerugian hasil yang tinggi dan pengeluaran beras negara juga akan terjejas.

Umur matang bagi varieti MR 159 ialah sekitar 124 hingga 139 hari iaitu sama dengan varieti MR 84 manakala varieti MR 167 matang awal sedikit daripada MR 84 iaitu antara 121 sehingga 132 bergantung pada musim dan kaedah penanaman.

Varieti MR 159 mempunyai ketinggian antara 75 hingga 92cm sementara MR 167 pula sekitar 79 hingga 80cm dan menjadi lebih tinggi sekiranya ditanam pada luar musim dan di kawasan subur.

Varieti MR159 mempunyai daya tahan terhadap penyakit seperti penyakit karah, hawar bakteria dan penyakit merah manakala MR167 tahan penyakit karah.